



**FAKULTI SAINS KOMPUTER
DAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT
UNIVERSITI MALAYA**

SILIBUS KURSUS

KURSUS UNIVERSITI DAN ELEKTIF LUAR FAKULTI

GXEX1401 Kursus Kemahiran Maklumat

Hasil Pembelajaran

Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat :

1. Mengetahui sumber rujukan asas
2. Mengetahui jenis rujukan
3. Memilih dan menggunakan opsyen pencarian asas (pengarang, judul & tajuk perkara)
4. Mencari dan mendapatkan rujukan dari Katalog Perpustakaan UM.
5. Mengetahui butiran bibliografik
6. Memahami kenyataan topik.
7. Mengetahui konsep utama dan istilah berkaitan topik.
8. Menghasilkan kenyataan pencarian menggunakan katakunci dan penghubung Booleen
9. Menggunakan kenyataan pencarian di dalam Pendeta WebPac untuk mendapatkan rujukan
10. Menilai dan memilih rekod yang relevan berpandukan kriteria yang ditetapkan.
11. Memahami kegunaan Indeks dan Abstrak
12. Mencari dan mendapatkan maklumat dari pelbagai Pangkalan Data Dalam Talian dengan mengaplikasikan strategi pencarian
13. Menilai dan memilih rekod yang relevan berpandukan kriteria yang ditetapkan.
14. Mencari dan mendapatkan maklumat dari internet dengan mengaplikasikan strategi pencarian
15. Menilai dan memilih sumber web berpandukan kriteria penilaian
16. Menghargai karya orang lain dengan menyediakan senarai rujukan.
17. Menyediakan senarai rujukan dengan mengikut Gaya Rujukan APA (APA Citation Style)

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Pengenalan penggunaan sumber rujukan asas (dalam bentuk bercetak dan elektronik)
2. Mengetahui jenis rujukan
3. Langkah dan strategi pencarian maklumat
4. Pencarian maklumat dalam Pendeta WebPAC
5. Pencarian maklumat dalam Pangkalan Data dalam talian
6. Pencarian maklumat dalam Internet
7. Cara menyediakan senarai rujukan

Rujukan

1. Gash, Sarah.(1998). Effective literature searching for students. Aldershot: Gowers

2. Gates, Jean Key. (1994). Guide to the use of libraries and information sources (7th ed.). New York;
3. Irma Indayu Omar, & Yushiana Mansor. (2005). Panduan mencari maklumat. Pahang: PTS Profesional.

Kaedah Penilaian

Kerja Kursus	:	40%
Peperiksaan Akhir	:	60%

GXEX1410 TITAS

Hasil Pembelajaran

- Untuk memupuk persefahaman tulen dan sikap hormat menghormati di kalangan rakyat pelbagai agama, keturunan, bangsa dan budaya.
- Untuk memperkukuhkan falsafah dan cara hidup Malaysia melalui musyarah dan ijmak.
- Untuk memperkukuhkan jati diri Malaysia sebagai negara majmuk

Sinopsis Kandungan Kursus

Takrif tamadun dan ciri-ciri utamanya. Kelahiran dan perkembangan tamadun. Interaksi antara tamadun. Persamaan dan perbezaan antara tamadun. Cabaran terhadap kehidupan bertamadun. Tamadun dalam konteks globalisasi. Ciri-ciri tamadun, penghayatan tamadun dalam persekitaran awal. Pupukan tamadun dan penjelmaannya dalam konteks pelbagai budaya, bangsa dan wilayah. Cabaran kolonialisme dan sekularisme Barat. Cabaran semasa masyarakat Malaysia.

Rujukan Utama:

1. Buku Teks TITAS, Penerbitan UM, K.L., 2001
2. Chandra Muzaffar, "Inter-religious communication : The five tasks", One God many paths, Aliran Penang 1980.
3. Osman Bakar, "Islam and civilisational dialogue", University of Malaya press, Kuala Lumpur 1997.
4. Osman Bakar and Cheng Gek Nai, "Islam and Confucianism", University of Malaya press, Kuala Lumpur 1997.
5. Seyyed Hossein Nasr, "The encounter between man and nature : the spriritual crises of modern man, George Alien and Unwin, London 1968.
6. Anwar Ibrahim, "The Asian Renaissance, Times Book Internasional, Singapore 1996.

Kaedah Penilaian

Peperiksaan Akhir : 100% MCQ

GXEX1411 Hubungan Etnik

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengetahui tentang pluraliti budaya masyarakat dan kumpulan etnik
2. Mendapat kefahaman berkenaan permuafakatan sosial di Malaysia dan asas-asas keharmonian hubungan etnik
3. Lebih memahami cabaran pluraliti budaya dan hubungan etnik di Malaysia
4. Menyedari dan memahami tentang konsep Islam Hadhari dan hubungan etnik
5. Memperolehi pengalaman pembelajaran yang kreatif tentang sosial dan kehidupan budaya masyarakat Malaysia.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Kursus ini memfokuskan perbincangan tentang konsep-konsep asas budaya dan hubungan etnik.
2. Meneliti perkembangan hubungan etnik di Malaysia
3. Mewujudkan masyarakat Malaysia menurut acuan Malaysia dan hubungan jalin antara wilayah ASEAN
4. Memahami dan menangani cabaran global dalam hubungan budaya dan etnik di peringkat Malaysia dan Asia
5. Memperkenalkan para pelajar terhadap hubungan etnik menurut perspektif Islam.

Kaedah Penilaian

Kerja Kursus	40%
Peperiksaan Akhir	60%

GXEX1412 Asas Pembudayaan Keusahawan

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menerangkan konsep keusahawanan dan kepentingan bidang keusahawanan
2. Menerangkan dan menjelaskan mengenal etika keusahawanan serta mengaplikasi nilai-nilai murni keusahawanan.
3. Membuat penilaian diri dan menilai sifat keusahawanan dalam diri
4. Mengaplikasi aspek kreativiti dan inovasi dalam keusahawanan
5. Menyediakan rancangan perniagaan

Sinopsis Kandungan Kursus:

Kursus ini cuba menerapkan elemen asas pembudayaan keusahawanan kepada semua pelajar institusi pengajian tinggi awam. Inisiatif ini diambil untuk membuka minda dan merangsang semangat keusahawanan kepada kumpulan sasaran yang berpotensi. Antara topik yang akan diajar termasuklah konsep dan perkembangan keusahawanan, analisis kompetensi keusahawanan

diri, etika keusahawanan, kreativiti dan inovasi dalam keusahawanan, peluang perniagaan dan kemahiran memulakan perniagaan, merancang perniagaan dan kemahiran mengurus projek perniagaan. Di samping itu, pengalaman amali melalui kerja lapangan atau penglibatan langsung pelajar dalam pengendalian satu projek perniagaan secara individu/berkumpulan diharap dapat mencetus minda serta memberi latihan yang lebih bermakna dan berkesan kepada pelajar mengenai reality dunia perniagaan sebenar.

Rujukan:

1. Ab. Aziz Yusof, *Prinsip Keusahawanan*, 2003, Malaysia: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
2. Hisrich, R.D., Peters, M.P. & Shepherd, D.A. 2005, *Entrepreneurship*, 6th Edition, Singapore: McGraw Hill
3. Kuratko, D.F & Hodgetts, R.M. 2007, *Entrepreneurships theory, process, practice*, 7th Edition. Canada: Thomson South-Western
4. Lambing, P.A & Kuehl, C.R. 2007. *Entrepreneurship*, 4th Edition, New Jersey: Pearson Education, Inc
5. Rosli Mahmood & rakan-rakan, *Prinsip-prinsip Asas Keushawanan*, 2007, Malaysia: Thomson

Kaedah Penilaian

Penilaian berterusan	(80%)
Peperiksaan bertulis/akhir	(20%)

WXES2112 KEMAHIRAN BERFIKIR DAN BERKOMUNIKASI**Objektif**

Pada akhir kursus, pelajar akan dapat

1. Berfikir dengan kritikal & kreatif untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan.
2. Berkomunikasi dengan lebih berkesan apabila membuat penyampaian dan berinteraksi dengan pelajar lain dalam kumpulan.

Sinopsis Kandungan Kursus

Kursus ini berdasarkan kepercayaan bahawa kebolehan berfikir boleh diperkembangkan dan ditingkatkan melalui pengajaran dan amalan. Kursus ini direka bentuk untuk memperkembangkan kebolehan berfikir asas seperti kebolehan menghurai, menganalisis dan menilai argumen serta melahirkan sikap minda terbuka dan ingin tahu. Kebolehan ini diperlukan untuk kejayaan dalam kursus-kursus akademik, penyelesaian masalah dan membuat keputusan dalam kehidupan seharian. Kursus ini mengintegrasikan perkembangan kemahiran berfikir kritis (penilaian) dan kreatif (synthesis) dengan kemahiran berkomunikasi yang terdiri daripada komunikasi interpersonal, kemahiran penyampaian idea dan komunikasi bukan verbal.

Rujukan Utama

1. Bassham, G. et. al. 2002. *Critical thinking : a student's introduction*. Boston: McGraw-Hill.
2. Epstein, R.L. 2002. *Critical thinking*. Australia: Wadsworth.
3. Fisher, A. 2001. *Critical thinking: an introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
4. Taylor, Shirley. 2000. *Essential communications skills*. New York: Longmans.

Kaedah Penilaian

Kerja Kursus	:	60%
Peperiksaan Akhir	:	40%

KURSUS TERAS FAKULTI

WXES1109 SISTEM & ORGANISASI KOMPUTER

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Menerangkan asas senibina dan rekabentuk logik.
2. Menjelaskan rekabentuk asas sistem komputer, jenis dan format arahan dan cara-cara arahan dilaksanakan oleh pemproses.
3. Menakrifkan konsep asas operasi sesuatu sistem komputer.
4. Menggunakan Bahasa Penghimpunan (Assembly Language) untuk memahami sistem komputer.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Pengenalan kepada sistem & organisasi komputer
2. Sistem nombor : perwakilan dan kod-kod
3. Aljabar Boolean: Teorem dan Hukum Fungsi Boolean
4. Get-get logik asas.
5. Fungsi permudahahan: Manipulasi aljabar dan Kaedah Peta termasuk Keadaan Tak Peduli
6. Litar Gabungan.
7. Selak dan Flip-flop
8. Litar jujukan : Berjam, Pembilang, litar segerak & tak segerak, gambarajah keadaan
9. Mod Pengalamat
10. Pengenalan kepada senibina pemproses Pentium
11. Bahasa Penghimpun

Rujukan

1. Mano, M. and Kime, C.R. 2004. *Logic and Computer Design Fundamentals*, 3rd Edition. Prentice Hall.
2. Alan B. Marcovitz, 2005. *Introduction To Logic Design, 2nd Edition*. McGraw Hill
3. Thomas L. Floyd 2003. *Digital Fundamentals*, 8th Edition. Prentice Hall.
4. Hamacher, C., Vranesic, Z. and Zaky, S. 2002. *Computer Organization*, 5th Edition. McGraw Hill.
5. Stallings, Williams. 2003. *Computer Organization and Architecture*, 6th Edition. Prentice Hall.
6. Mazleena Salleh, Hazinah Kutty Mammi, Nor Afida Ithnin, Mazura Mat Din. 2000. *Organisasi Komputer dan Bahasa Himpunan*, Edisi Revisi. McGraw Hill.

Kaedah Penilaian

Kerja Kursus	:	50%
Peperiksaan Akhir	:	50%

WXES1110 SISTEM PENGENDALIAN

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Menyatakan konsep dan menyenaraikan ciri-ciri utama sistem pengendalian bagi satu sistem pemprosesan tunggal.
2. Menjelaskan struktur dalaman sistem pengendalian dan perlaksanaannya.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. 'Overview' Sistem Pengendalian, komponen sistem pengendalian, perkakasan sistem, Jenis-jenis sistem pengendalian dan sejarah pembangunan sistem pengendalian
2. Pengurusan Ingatan – Sistem Awal, Skim Pengguna Tunggal, Petakan Tetap, Petakan Dinamik dan Petakan Dinamik Boleh Alih
3. Pengurusan Ingatan – Sistem Akhir, Peruntukan Ingatan Berhalaman, Pengalaman Tuntutan, Polisi dan Konsep Penggantian Halaman, Peruntukan Ingatan Bersegmen dan Peruntukan Ingatan Berhalaman Tuntutan
4. Pengurusan Pemprosesan, Penjadualan Kerja vs, Penjadual Proses, Penjadual Proses, Polisi Penjadualan Proses dan Algoritma Penjadualan Proses.
5. Pengurusan Proses, Kebuntuan dan Kebuluran
6. Proses Kesegerakan, Konsep Kesegerakan, Konfigurasi Sistem Segerak, Konsep Saling Eksklusif, Teknik Penyelenggaraan, Masalah Kesegerakan dan Konsep Pengaturcaraan Segerak
7. Pengurusan Peranti, Kategori Sistem Peranti, Media Storan, Komponen Sistem I/O, Komunikasi Peranti, Pengurusan Permintaan I/O dan Pengendali Peranti
8. Pengurusan Fail, Pengurus Fail, Organisasi Fail, Peruntukan Storan Fizikal, Pemadatan Data, Kaedah Akses dan Peringkat Dalam Sistem Pengurusan Fail.
9. Pengurusan Sistem, Pengurusan Sistem Pengendalian, Pengurusan Ingatan, Pengurusan Pemproses, Pengurusan Peranti, Pengurusan Fail, Penilaian Sistem, Pemantauan Sistem dan Kos Sistem.
10. Sistem Pengendalian LINUX, Sejarah, Tujuan Rekabentuk, Pengurusan ingatan, fail, pemproses, peranti dan Antara-Muka Pengguna.
11. Sistem Pengendalian Windows 2000, Sejarah, Tujuan Rekabentuk, Pengurus ingatan, pemproses, peranti, fail, rangkaian dan Antara-Muka Pengguna

Rujukan

1. Mustaffa Kamal Mohd. Nor dan rakan-rakan, Pengenalan kepada Sistem Pengendalian Komputer, Mc-Graw-Hill, 2002
2. Ida M. Flynn, & Ann McIver Mc Hoes. *Understanding Operating Systems*. 3rd edition, International Thomson Publishing, 2001. (Text book)
3. Silberschatz and Galvin. *Operating Systems concepts*. 6th edition. John Wiley, 2002.

Kaedah Penilaian

Kerja Kursus	: 50%
Peperiksaan Akhir	: 50%

WXES1112 MATEMATIK PENGKOMPUTERAN 1

Objektif

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

- 1) menggunakan konsep-konsep penting dalam matematik yang perlu bagi kursus-kursus komputer seperti kriptografi, rangkaian dan kepintaran buatan.
- 2) menghasil teknik-teknik secara logik dan berasaskan prosedur.
- 3) menjalankan simulasi komputer dalam penyelesaian masalah dan menghubungkan prinsip-prinsip matematik dalam berbagai aplikasi.

Sinopsis Kandungan Kursus

- 1) Sistem nombor : Jenis dan sifat algebra nombor. Nombor kompleks. Ketaksamaan, Persamaan linear dan kuadratik.
- 2) Hubungan dan fungsi : Jenis hubungan. Digraf dan matriks bagi hubungan. Hubungan kesetaraan dan petak. Fungsi satu-satu, keseluruhan, fungsi gubahan dan songsang. Jenis-jenis fungsi.
- 3) Teori Graf : Teorem berjabat tangan, jenis graf, lintasan dan berkaitan, jujukan darjah, isomorfisma, perwakilan matriks, graf euleran, graf hamiltonan, pokok.
- 4) Pembilangan : Petua pengendalian. Pilihatur, gabungan, teorem binomial, hubungan jadi semula.
- 5) Mantik: Javal kebenaran, pernyataan bersyarat, tautologi dan percanggahan, kesetaraan, petua mantik, kesahan hujah.
- 6) Matriks dan Vektor : Determinant (Penentu). Petua Cramer. Sistem persamaan. Algebra vektor.
- 7) Set: Set kuasa. Operasi-operasi dan identiti-identiti set. Perwakilan komputer set.
- 8) Aplikasi konsep dalam berbagai bidang komputer.

Rujukan

1. K.G. Choo and D.E. Taylor, Introduction to Discrete Mathematics, Longman 1998.
2. R. Johnsonbaugh, Discrete Mathematics, Prentice Hall International Inc., 5th. ed., 2001.
3. G.H. Hardy, A Course of Pure Mathematics, Cambridge University Press, 2000.
4. B. Kolman, R.C. Busby and S.C. Ross, Discrete Mathematical Structures, Prentice Hall, 4th ed., 2000.
5. K.H. Rosen, Discrete Mathematics and its Applications, McGraw-Hill, 4th ed., 1999.
6. D. C. Lay. Linear Algebra and Its Applications, 3/E, University of Maryland, Addison-Wesley, 2003.

7. Watkins. Fundamentals of Matrix Computations, Wiley, 2nd Edition 2002.
8. Hanselman and Littlefield. Mastering MATLAB 6, Prentice Hall, Inc., 2001.
9. M.F. Triola, Elementary Statistics, Addison Wesley Longman, 8th, ed., 2000

Kaedah Penilaian

- Kerja Kursus : 50%
 Peperiksaan Akhir : 50%

WXES1114 Pengaturcaraan 1

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Membezakan antara masalah berstruktur dan tidak berstruktur.
2. Menyenaraikan dan menggunakan langkah-langkah penyelesaian masalah berdasarkan konsep pengaturcaraan.
3. Menghasilkan carta alir dan pseudo kod dalam proses penyelesaian masalah berdasarkan konsep pengaturcaraan.
4. Mengenalpasti dan menggunakan persekitaran pengaturcaraan.
5. Membina kod sumber berdasarkan carta alir dan pseudo kod.
6. Membina aturcara dengan menggunakan sintaks dan semantiks yang sesuai.
7. Menyahpepijat, menyurih dan membaiki ralat di dalam atur cara.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Teknik penyelesaian masalah.
2. Konsep pengaturcaraan berorientasikan objek: Pemisahan dan Pengurangan.
3. Struktur asas sebuah aturcara: input, pemprosesan, output.
4. Jenis-jenis data dan operasi-operasinya.
5. Struktur Kawalan: bersyarat/cabang (*if* dan *switch*), berulang/gelung (*for*, *while*, *do-while*).
6. Fungsi : parameter, pembolehubah tempatan, pembolehubah sejagat, panggilan fungsi, fungsi perpustakaan, rekursi.
7. Tatasusunan, rentetan dan fail teks.
8. Kelas
9. Amalan pengaturcaraan : ciri-ciri am, gaya pengaturcaraan, struktur, pelaksanaan dan kecekapan.

Rujukan:

1. Walter Savitch, Java: An Introduction to Computer Science and Programming, Fourth Edition, Prentice-Hall, 2005
2. Y. Daniel Liang, Introduction to JAVA Programming: Fundamentals First, 6 Edition, 2007.

Kaedah Penilaian

- Penilaian berterusan : 50%
 Peperiksaan : 50%

WXES1115 Struktur Data

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Membina aturcara berorientasikan objek.
2. Menerangkan konsep-konsep penting dalam struktur data seperti senarai terputut, tindanan, baris gilir, pepohon dan pepohon perduaan carian.
3. Menggunakan konsep berorientasikan objek dalam struktur data.
4. Menggunakan algoritma penggelintaran dan pengisihan yang sesuai.
5. Menerangkan dan menggunakan struktur data dan algoritma yang sesuai dalam rekabentuk dan pembinaan aplikasi.

Sinopsis Kandungan Kursus :

1. Konsep pengaturcaraan berorientasikan objek: Pemisahan, Pengurangan, Pewarisan dan Polimorfisma.
2. Pengendalian Pengecualian.
3. Senarai terputut.
4. Tindanan.
5. Baris Gilir.
6. Pepohon perduaan.
7. Algoritma gelintaran dan isihan.

Rujukan

1. Frank M Carrano, Data Abstraction and Problem Solving with Java, Addison Wesley Publishing Company, 2005
2. William H. Ford and William R. Topp, Data Structures with Java, Prentice Hall, 2005

Kaedah Penilaian:

Penilaian berterusan : 50%
Peperiksaan : 50%

WXES2103 PANGKALAN DATA

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Menerangkan konsep-konsep asas di dalam sistem pangkalan data.
2. Mengetahui teknik-teknik berkesan pengurusan transaksi di dalam sistem pangkalan data.
3. Membincangkan isu-isu semasa di dalam sistem pangkalan data.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Sistem berasaskan fail. Kekurangan sistem berasaskan fail. Teknik pangkalan data dan sistem pengurusan pangkalan data. Komponen sistem pengurusan pangkalan data. Jenis-jenis tugas di dalam urusan pangkalan data – pengendali pangkalan data dan pengendali data, pereka pangkalan data, pengaturcara aplikasi dan pengguna.

2. Tiga peringkat senibina ANSI-SPARC. Bahasa-bahasa pangkalan data – DDL dan DML. Pengaturcara 4GL. Model data dan permodelan berkonsep. Model data berasaskan objek, model data berasaskan rekod, model data fizikal dan permodelan berkonsep. Fungsi-fungsi dan komponen DBMS. Kamus data.
3. Pangkalan data hubungan. Struktur data hubungan, hubungan matematik, hubungan pangkalan data, ciri-ciri hubungan, kekunci hubungan dan skema hubungan pangkalan data. Hubungan bersepadu, bahasa hubungan – hubungan algebra dan hubungan kalkulus.
4. Hubungan entity (Entiti-Relationship) permodelan – jenis entiti, atribut, jenis-jenis hubungan dan atribut hubungan. Kekangan berstruktur dan permasalahan ER model. EER model – superkelas, subklas, pengkhususan, pengawaman.
5. Normalisasi – anomali pengemaskinian : penyelitan, penghapusan dan modifikasi. Fungsi kebersandaran. Bentuk normal pertama, bentuk normal kedua, bentuk normal ketiga, bentuk normal Boyce-Codd, MVD dan bentuk normal keempat, JD dan bentuk normal kelima.
6. Metodologi – Perekaan pangkalan data secara
 - Konseptual : mengenalpasti entity dan atribut
 - Logikal : pemetaan kepada model pkd yang dipilih (RDB)
 - Fizikal : pembangunan pkd menggunakan perisian dipilih
7. Manipulasi data hubungan : SQL (Structured Query Language)
8. Pemrosesan transaksi : kawalan keserentakkan – Penskedulan transaksi, Penguncian, 2PL, Timestamping, sifat ACID transaksi, kebolehsirian, pemulihan kebuntuan (deadlock).
9. Pengenalan kepada pangkalan data teragih (DDB) : konsep asas, senibina, rekabentuk (skema fragmentasi, skema peruntukan), ketelusan (transparency)
10. Pengenalan kepada pangkalan data berorientasikan-objek (OODB) : konsep asas.
11. Pengenalan kepada keselamatan pangkalan data.

Rujukan

1. Connolly, Begg, Thomas & Carolyn. 2002. *Database Systems: A Practical Approach to Design, Implementation and Management*. 4th Ed., Addison-Wesley.
2. Fariza, Maizatul, Norizan, Rohana, Hannyzzura, Norazlina & Rafidah. 2002. *Pengenalan Kepada Pangkalan Data*. McGraw Hill.
3. Abdullah Embong. 2000. *Pangkalan Data*. Tradisi Ilmu.
4. Kroenke, David M. 2000. *Database Processing: Fundamentals, Design & Implementation*. 8th. Ed., Prentice Hall.
5. Date, C. J. 1998. *An Introduction to Database Systems*. 6th Ed., Addison-Wesley.
6. Silberschatz, Abraham & Korth, Henry F. 1998. *Database System Concepts*. 3rd. Ed., McGraw-Hill.

Kaedah Penilaian

Kerja Kursus : 50%
Peperiksaan Akhir : 50%

WXES2192 LATIHAN INDUSTRI

Seseorang pelajar dikehendaki menjalani suatu tempoh penempatan selama 16 minggu di sebuah organisasi perindustrian atau organisasi lain yang diluluskan oleh Dekan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat dalam cuti semester kedua Tahun Kedua pengajiannya dan di akhir latihan dikehendaki menyerahkan satu laporan berkenaan latihan yang dijalannya.

KURSUS TERAS PROGRAM

SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER

WRES1201 Senibina Sistem Komputer

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Menerangkan konsep dan penggunaan kaedah 'atas-bawah'.
2. Menerangkan kepentingan operasi setiap komponen dalam computer
3. Menerangkan konsep organisasi computer dan senibina sistem computer

Sinopsis kandungan kursus:

1. Pengenalan kepada Sistem Komputer
2. Struktur Sistem Global
3. Pelaksanaan Arahan
4. Mod Pengalamatan
5. Teknik-teknik asas pelaksanaan komputer
6. Talianpaip
7. Senibina RISC dan CISC
8. Hierarki Memori
9. Cache
10. Saling Sambungan Bus
11. Sistem I/O
12. Sistem Multipemproses
13. Topik-topik Terkini dalam Senibina Komputer

Rujukan:

1. Hamacher, Vranesic & Zaky. 1990. *Computer organization*. 2nd Edition, McGraw-Hill.
2. J P Hayes. 1998. *Computer architecture & organization*. 2nd Edition, McGraw Hill.
3. Hennessy & Patterson. 1995. *Computer architecture: a quantitative approach*. Morgan Kaufman.

Kaedah Penilaian:

Penilaian Berterusan	:	50%
Peperiksaan	:	50%

WKES1104 Kejuruteraan Perisian I

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Menerangkan prinsip-prinsip, konsep-konsep dan praktis kejuruteraan perisian
2. Menjelaskan kaedah-kaedah dan proses-proses bagi membangunkan pelbagai jenis sistem-sistem perisian
3. Menggunakan teknik-teknik dan alatan-alatan kejuruteraan perisian di dalam konteks pembangunan sistematik bagi perisian berkualiti

Sinopsis Kandungan Kursus:

1. Prinsip-prinsip kejuruteraan perisian
2. Konsep-konsep kejuruteraan perisian
3. Jenis-jenis sistem perisian, sistem sosio-teknikal dan sistem kritikal
4. Kejuruteraan sistem
5. Proses-proses perisian
6. Kitar-hayat perisian, model-model, dan spektrum metodologi-metodologi
7. Praktis-praktis kejuruteraan perisian
8. Teknik-teknik dan alatan-alatan di dalam kejuruteraan perisian
9. Pengelasan alatan-alatan CASE

Rujukan

1. Sommerville, I (2007), "Software Engineering", 8th Edition, Addison Wesley
2. Pressman, R.S (2005), "Software Engineering", 6th Edition, McGraw-Hill
3. Bruegge, B&Dutoit, A. (2004), "Object-Oriented Software Engineering Using UML, Patterns and Java," Pearson Education International

Kaedah Penilaian

Penilaian berterusan : 50%
Peperiksaan : 50%

WMES1105 Prinsip Sistem Maklumat

Hasil Pembelajaran:

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Menerangkan konsep-konsep sistem maklumat
2. Menyenaraikan komponen-komponen asas yang membentuk sistem maklumat serta peranannya dalam organisasi dan perniagaan.
3. Membezakan fungsi dan aplikasi sistem maklumat dalam pelbagai bidang
4. Mengenalpasti kepentingan pemegang taruhan dalam pembangunan, penggunaan dan pengurusan sistem maklumat
5. Menganalisis dan membentangkan hasil kajian pelaksanaan sistem maklumat di pelbagai organisasi secara berkumpulan

Sinopsis kandungan kursus:

1. Gambaran menyeluruh sistem maklumat
 - Pengenalan kepada sistem maklumat
 - Sistem maklumat di dalam organisasi
2. Konsep teknologi maklumat dalam sistem maklumat
 - Perkakasan: Peranti input, pemprosesan dan output
 - Perisian: Perisian sistem dan aplikasi
 - Penyusunan data dan maklumat
 - Telekomunikasi dan rangkaian
 - Internet, intranet, extranet
3. Sistem maklumat perniagaan
 - Perdagangan elektronik
 - Sistem Pemprosesan Transaksi & Perancangan Sumber Syarikat
 - Sistem Sokongan Keputusan
 - Sistem maklumat perniagaan khusus; sistem pinta, realiti maya dan lain-lain sistem khusus
4. Pemegang taruhan sistem maklumat
5. Sistem maklumat dalam masyarakat, perniagaan dan industri
 - Isu Keselamatan, dan Privasi
 - Etika dalam Sistem Maklumat & Internet
6. Kajian kes sistem maklumat dalam organisasi

Rujukan

1. Frank M Carrano, Data Abstraction and Problem Solving with Java, Addison Wesley Publishing Company, 2005.
2. William H. Ford and William R. Topp, Data Structures with Java., Prentice Hall, 2005.

Kaedah Penilaian:

Penilaian berterusan : 30% (Kerja kursus: Kajian kes, tugas, projek)
 20% (Ujian)
 50% (Peperiksaan)

WAES1102 Prinsip Kepintaran Buatan

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. membezakan antara sistem konvensional dan sistem pintar
2. menerangkan konsep Kepintaran Buatan dan aplikasinya
3. mewakili pengetahuan dengan menggunakan pelbagai teknik yang berbeza
4. menggunakan teknik gelintaran yang sesuai untuk mencapai matlamat yang dikehendaki
5. mengaplikasikan taakulan induktif dan deduktif untuk menyelesaikan masalah
6. mengaplikasikan teknik Kepintaran Buatan untuk menyelesaikan masalah domain tertentu.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Pengenalan kepada Kepintaran Buatan – Sejarah, definisi kepintaran, kognitif dan pemprosesan maklumat, Kepintaran Buatan simbolik dan bukan simbolik.
2. Perbezaan antara Sistem Konvensional dan Sistem Pintar:
 - Data, Maklumat dan Pengetahuan
 - Algoritma dan Heuristik
 - Struktur dan Tidak Berstruktur
 - Pengaturcaraan untuk Kepintaran Buatan.
3. Teknik-teknik Kepintaran Buatan:
 - Perwakilan Pengetahuan
 - Gelintaran
 - Taakulan
4. Perwakilan Pengetahuan
 - Logik Arahan Pertama dan kalkulus predikat
 - Rangkaian semantik
 - Sistem berasaskan peraturan dan berasaskan kes.
5. Penyelesaian masalah dan gelintaran
 - gelintaran ruang keadaan
 - gelintaran berpandukan data dan berpandukan tujuan
 - gelintaran kedalaman dahulu dan gelintaran kelebaran dahulu
 - gelintaran heuristik.
6. Inferen dan taakulan – Induktif dan deduktif, rantaian kehadapan dan rantaian kebelakang, inferen, taakulan tidak tepat.
7. Pembelajaran mesin – rangkaian neural buatan, algoritma genetik.
8. Aplikasi Kepintaran Buatan –
 - Pendidikan, Perubatan, Rumah Pintar, Perniagaan, Ketenteraan, Industri, Kehidupan harian, Hiburan (permainan dan wayang pintar)
 - Sistem pakar, Pemprosesan bahasa tabii, Pemprosesan imej, Rangkaian neural buatan, Robotik, Agen pintar.

RUJUKAN:

1. Luger G. & Stubblefield W., 2005. *Artificial Intelligence: Structures and Strategies For Complex Problem Solving* – 5th Edition, Addison Wesley.
2. Rich & Knight, K., 1993. *Artificial Intelligence*, Mc-Graw Hill.
3. Stuart J. Russel & Peter Norvig, 2003. *Artificial Intelligence : A Modern Approach* -2nd Edition, Prentice Hall

Kaedah Penilaian:

Penilaian berterusan : 50%
Peperiksaan : 50%

WRES2110 Asas Teknologi Rangkaian

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Mengenalpasti dan menggunakan komponen-komponen yang asas dalam komunikasi data.
2. Mengenalpasti konsep asas komunikasi data dan rangkaian.
3. Menyenaraikan proses dalam komunikasi data dan rangkaian.
4. Mengenalpasti LAN, WAN, Ethernet dan lapisan-lapisan OSI.
5. Mengenalpasti pengalamatan IP dan TCP/IP.
6. Mengkonfigurasikan penghala, antaramuka penghala dan protokol penghala.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Asas komputer dan rangkaian.
2. Media Transmisi.
3. Lapisan OSI - *Physical, Data Link, Network, Transport, Session, Presentation dan Application*.
4. LAN dan WAN.
5. Pengalamatan IP dan VLSM.
6. TCP/IP.
7. Penghala - Komponen, konfigurasi, protocol dan antaramuka.
8. Penghala – permulaan dan pemasangan.

Rujukan

Sila rujuk kepada pensyarah.

Kaedah Penilaian

Penilaian berterusan : 50%
Peperiksaan : 50%

KURSUS TERAS PROGRAM

SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT

WMES2108 Analisis, Pemodelan dan Rekabentuk Sistem

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. menerangkan kitar hayat pembangunan sistem.
2. menerangkan konsep, kemahiran, metodologi, teknik, alatan untuk menganalisis, merekabentuk dan membangunkan sistem.
3. menggunakan konsep-konsep untuk menganalisis dan merekabentuk sistem.
4. menerangkan ciri-ciri asas system berorientasikan objek
5. menganalisis dan merekabentuk sistem beorientasikan objek dengan menggunakan UML

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Asas-asas Pembangunan Sistem
2. Perancangan Sistem
3. Analisis & Rekabentuk Sistem
4. Pelaksanaan & Penyelenggaraan Sistem
5. Analisis & Rekabentuk Berorientasikan Objek
6. Ciri-ciri Asas dalam Sistem Berorientasikan Objek
7. Analisis & Rekabentuk Berorientasikan Objek Menggunakan UML

Rujukan:

1. Jeffrey A Hoffer, Joey F. George and Joseph S. Valacich. 2005. *Modern Systems Analysis and Design*. 4th ed. Prentice Hall.
2. Shelly, Cashman, and Rosenblatt. 2006. *System Analysis and Design*, 6th Edition, Thomson.
3. Jeffrey L. Whitten, Lonnie D. Bentley, Kevin C. Dittman, 2004, *Systems Analysis and Design Methods*, 6th Edition, McGraw Hill.
4. Satzinger, Jackson, Burd, 2002, *Systems Analysis and Design in a Changing World*, 2nd Edition, Course Technology, Thomson Learning.
5. Kendall and Kendall, 2002. *System Analysis and Design*, 5th ed. Prentice Hall.
6. P.Sellapan, 2000. *Systems Analysis and Design*, 1st Ed., Sejana Publishing.
7. Jeffrey A Hoffer, Joey F. George and Joseph S. Valacich. 1999. *Modern Systems Analysis and Design*. 2nd ed. Addison Wesley.

Kaedah Penilaian:

Penilaian berterusan	: 50%
Peperiksaan	: 50%

WMES2111 Pengaturcaraan Sumber Terbuka

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Menjelaskan ciri-ciri dan konsep-konsep asas suatu perisian sumber terbuka (OSS)
2. Menjelaskan kelebihan suatu perisian sumber terbuka
3. Mencari, memasang dan menkonfigurasi pakej perisian sumber terbuka yang terkini yang terdiri daripada sistem pengoperasian, sistem pengurusan pangkalan data, bahasa pengaturcaraan dan pelayan web
4. Menulis program dalam bahasa pengaturcaraan sumber terbuka untuk mempopulasikan, mencapai kembali data dan mengemaskini pangkalan data
5. Membangunkan satu sistem maklumat berasaskan web menggunakan bahasa pengaturcaraan sumber terbuka untuk menyelesaikan suatu masalah perniagaan

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Pengenalan kepada Perisian Sumber Terbuka Percuma (PSTP)
2. Pengenalan kepada pelayan web sumber terbuka, bahasa pengaturcaraan sumber terbuka (BPST), Sistem Pengurusan Pangkalan Data Sumber Terbuka (SPPDST)
3. Persekitaran pembangunan sistem berasaskan web
4. BPST – Menggunakan pembolehubah, pernyataan, operator
5. BPST – Menggunakan pernyataan bersyarat dan gelung
6. BPST – Menggunakan tatasusunan dan fungsi-fungsi langganan
7. BPST – Menggunakan fail-fail, sesi-sesi, cookies dan program-program luaran
8. BPST dan SPPDST – Kueri pangkalan data dengan BPST
9. BPST dan SPPDST – Pengesahsahihan input pengguna
10. BPST dan SPPDST – Memformat output kueri
11. Pembangunan sistem berasaskan web menggunakan perisian sumber terbuka.

Rujukan:

1. Vikram Vaswani, PHP & MySQL, McGraw-Hill/Osborne, U.S.A, 2005
2. Asia Open Source Software Training Notes by MNCC – CICC and OUM
3. Narmore, E., Gerner, J., Scouarnec, Y. L., Stolz, J. and Glass, M. K., Beginning PHP5, Apache, MySQL Web Development, Wrox, Wiley Publishing, Inc., 2005
4. James B. Lee and Brent Ware, Open Source Web Development with LAMP: Using Linux, Apache, MySQL, Perl and PHP, Addison-Wesley Pub Co; 1st Edition, 2002

Kaedah Penilaian:

- Penilaian berterusan : 50%
 Peperiksaan Akhir : 50%

WMES3106 Kawalan dan Keselamatan Sistem Maklumat

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti kawalan dan keselamatan yang terlibat di dalam sistem maklumat dari perspektif fizikal/ persekitaran, aplikasi dan operasi
2. Menghuraikan jenis kawalan keselamatan sedia ada dan cara penggunaannya yang berkesan bagi sesebuah organisasi sistem maklumat, termasuk metodologi, prosedur dan rekabentuk implementasi.
3. Menyelesaikan masalah keselamatan dalam sistem maklumat dengan menggunakan cara kerja, prosedur dan kawalan yang dipelajari
4. Mempraktikkan nilai etika bagi pembangunan keselamatan sistem maklumat berdasarkan undang-undang dan polisi.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Keselamatan Maklumat dan Pengurusan Risiko
2. Sistem Kawalan Akses dan Metodologi
3. Kriptografi
4. Keselamatan Fizikal / Persekitaran
5. Akititektur dan rekabentuk sistem keselamatan pengusahawanan
6. Penerusan perniagaan dan perancangan baikpulih bencana
7. Telekomunikasi, rangkaian dan keselamatan Internet
8. Keselamatan Aplikasi
9. Keselamatan Operasi
10. Undang-undang, Penyiasatan, Pematuhan and Etika

Rujukan

1. Michael Gregg, Ed Tittel (Eds), *CISSP*, QUE Publishing 2005
2. Rich Lehtinan, *Computer Security Basics*, O'reilly Media 2006
3. Chuck Easttom, *Computer Security Fundamentals*, Prentice Hall Security Series 2005

Kaedah Penilaian:

Penilaian berterusan : 50%

Peperiksaan akhir : 50 %

WRET3105 Rangkaian dan Komunikasi Data

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti dan menerangkan komponen-komponen utama dalam sistem komunikasi
2. Menerangkan konsep rangkaian berkelajuan tinggi, Asynchronous Transfer Mode (ATM).
3. Membincangkan penggunaan rangkaian berkelajuan tinggi bagi penghantaran fail multimedia, dan trafik masa sebenar.

4. Menentu dan memilih jenis rangkaian yang berkualiti dan sesuai bagi sesuatu aplikasi.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Asas rangkaian komputer.
2. Lapisan OSI.
3. Rangkaian berkelajuan tinggi yang menyokong keperluan multimedia.
4. Keperluan kualiti perkhidmatan yang baik.
5. Lanjutan TCP/IP dan Rangkaian ATM.
6. Kelebihan ATM.
7. Komponen rangkaian ATM.
8. Pengoperasian rangkaian ATM.
9. Keperluan trafik: bunyi, video, imej dan data multimedia.
10. Lapisan ATM.
11. Lapisan penyesesuaian ATM.
12. Pengurusan rangkaian ATM.
13. Pelaksanaan ATM dalam rangkaian syarikat.

Rujukan

1. M.R. Karim, 2000, ATM: Technology and Services Delivery, Prentice Hall
2. Fred Halsall, 2001. "Multimedia Communication : Applications, Networks, Protocols and Standards", Addison Wesley
3. James F. Kurose, 2003, Computer Networking, Addison-Wesley
4. William Stallings, 2002, High-speed Networks and Internets: Performance and QoS, Prentice Hall
5. Martin James, 1997, Asynchronous Transfer Mode: ATM architecture and implementation, Prentice Hall

Kaedah Penilaian:

Penilaian berterusan : 50%
Peperiksaan : 50%

WRET2110 Rekabentuk Interaktif

Hasil Pembelajaran:

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Melaksanakan penganalisaan tugas bagi menghasilkan suatu rekabentuk interaktif.
2. Merekabentuk suatu aplikasi komputer yang interaktif
3. Membangunkan satu aplikasi komputer yang interaktif
4. Menilai satu aplikasi komputer yang interaktif

Sinopsis Kandungan Kursus

Kursus ini dimulai dengan memperkenalkan pelajar tentang rekabentuk interaktif, diikuti dengan aspek-aspek yang mempengaruhi suatu rekabentuk interaktif yang baik seperti pemahaman tentang keperluan domain dan pengguna, objek-objek antaramuka pengguna dan rekabentuk skrin, dan

kaedah-kaedah interaksi. Pelajar juga akan diajar tentang proses penghasilan suatu rekabentuk interaktif (mengenalpasti keperluan-keperluan dan membangunkan keperluan-keperluan tersebut, pengumpulan data, penganalisaan data, pentakrifan data, persembahan data, rekabentuk, pemprototaipan, kemudahangunaan, pengujian dan penilaian secara analitikal).

Rujukan

1. Jenny Preece, Yvonne Rogers, Helen Sharp (2002) Interaction Design, Wiley; 1st Edition.

Kaedah Penilaian:

Penilaian berterusan : 50%
Peperiksaan : 50%

KURSUS TERAS JABATAN – SARJANA SAINS KOMPUTER

JABATAN KEPINTARAN BUATAN

WAES2103 SISTEM PAKAR

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan konsep-konsep dan komponen-komponen Sistem Pakar.
2. menggunakan perwakilan pengetahuan dan teknik inferen.
3. membangunkan prototaip Sistem Pakar untuk menyelesaikan masalah dunia-sebenar.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Pengenalan kepada Sistem Pakar
2. Tinjauan Sistem Pakar sedia ada (contoh. MYCIN)
3. Senibina Sistem Pakar
 - Domain pangkalan pengetahuan
 - Enjin inferen
 - Memori kerja
 - Antaramuka pengguna
 - Modul penerangan
4. Ciri-ciri Sistem Pakar
5. Inferen dan taakulan: rantaian kebelakang dan kehadapan (contoh sistem)
6. Taakulan tak tepat
7. Perwakilan pengetahuan: berasaskan peraturan, berasaskan kes, berasaskan kerangka.
8. Proses pembangunan Sistem Pakar – Pemprototaipan
 - Kejuruteraan pengetahuan
9. Alatan pembangunan Sistem Pakar
10. Pembangunan prototaip dan kajian kes Sistem Pakar

Rujukan

1. Luger, G.F. 2002. *Artificial Intelligence: Structures and Strategies for Complex Problem Solving*, 4th Edition. Addison Wesley.
2. Jackson, Peter. 1999 *Introduction to expert system*. Addison Wesley
3. Russell, S.N. and Norvig, P. 1995. *Artificial Intelligence: a modern approach*. Prentice-Hall
4. Gonzalez, A.J and Dankel, D.D. 1993. *The engineering of Knowledge-based System*. Prentice Hall.

Kaedah Penilaian

Penilaian berterusan	:	50%
Peperiksaan	:	50%

WAES2104 MATEMATIK BAGI SISTEM PINTAR

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. mengenalpasti pelbagai petua dan kaedah pembezaan dan pengkamiran
2. bezakan, lakarkan dan taksirkan pelbagai jenis graf
3. mengenalpasti pelbagai jenis transformasi
4. mengaplikasikan kaedah statistik dan pensampelan dalam penyelesaian masalah.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Kalkulus: pembezaan dan pengkamiran
2. Fungsi dan graf
3. Algebra Matriks: nilai eigen, vector eigen, bersandaran, *singularity*
4. Kaedah statistik
5. Pensampelan
6. Transformasi: *Fast Fourier Transform, Laplace, Hough, Geometri, Wavelet*.

Rujukan

1. Darald J. Hartfiel, 2001. *Matrix Theory and Applications with MATLAB*, CRC Press LLC.
2. Doug Fisher, Hans-J. Lenz, 1996. *Learning from Data: Artificial Intelligence and Statistics V (Lecture Notes in Statistics)*, Springer-Verlag.
3. Dyke P.P.G., 2002. *An Introduction to Laplace Transforms and Fourier Series*, Springer Undergraduate Mathematics Series.
4. Mitra S. K., 2006. *Digital Signal Processing: A Computer-Based Approach*, McGraw-Hill.
5. Mitra S. K., 2000. *Digital Signal Processing Laboratory Using Matlab*, McGraw-Hill.
6. Robert T. Smith, Roland B. Minton, 2006. *Calculus: Concepts and Connections*, McGraw-Hill.
7. Ron Larson, Laurie Boswell, Timothy D. Kanold, and Lee Stiff, 2004. *Algebra 1 (Applications, Equations, & Graphs)*, Mc Dougal Littell.

Kaedah Penilaian

Penilaian berterusan : 50%
Peperiksaan : 50%

WAES2106 PENGATURCARAAN PROLOG

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan konsep-konsep, ciri-ciri dan kaedah-kaedah pengaturcaraan logik.
2. menggunakan sintaks dan semantiks Prolog.
3. menulis program menggunakan Prolog.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Pengenalan kepada Pengaturcaraan Logik.
2. Pengenalan kepada Prolog
 - Sintak dan semantik Prolog
 - *Data objects* Prolog
 - Senarai, operator dan aritmetik
 - Struktur
 - Kawalan patah-balik
 - Rekursif
 - Input dan output
 - Predikat bina-dalam dan predikat dinamik
3. Pengaturcaraan dalam Prolog
 - Gaya dan teknik pengaturcaraan

Rujukan

1. Bratko, Ivan. 2001. *PROLOG : Programming for Artificial Intelligence*, 3rd Edition. Addison Wesley.
2. Luger, G.F. 2002. *Artificial Intelligence: Structures and Strategies for Complex Problem Solving*, 4th Edition. Addison Wesley.

Kaedah Penilaian

Penilaian berterusan : 50%
Peperiksaan : 50%

WAES2107 ASAS SAINS KOGNITIF

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti pelbagai konsep dan proses kognitif
2. Menerangkan fungsi memori yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran.
3. Menggunakan teori-teori kognitif dalam penyelesaian masalah seharian.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Minda dan Mesin
2. Persepsi: pencaman objek
3. Perhatian dan Kesedaran
4. memori jangka pendek, memori kerja dan memori jangka panjang
5. Pembelajaran dan Fenomena lupa:
 - Capaian Pengetahuan
6. Perwakilan Mental: Persepsi Visual
7. Kategori dan Skema
8. Persepsi Bahasa: secara lisan dan bukan lisan
9. Emosi dan Ekspresi
10. Penaklukan, Penyelesaian Masalah dan Membuat Keputusan
11. Kepintaran dan Kreativiti

Rujukan

1. R. K. Guenther.1998. *Human Cognition*. Prentice Hall.
2. R. Hunt & H. Ellis. 1999. *Fundamental of Cognitive Psychology*. McGraw-Hill.
3. R. Solso. 1998. *Cognitive Psycology*. Allyn & Bacon.

Kaedah Penilaian

Penilaian berterusan	: 50%
Peperiksaan	: 50%

WAES2108 PEMROSESAN AN PENJANAAN BAHASA TABII

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan konsep-konsep Pemprosesan Bahasa Tabii
2. menjelaskan pelbagai tahap analisis bahasa.
3. membina sistem dengan menggunakan teknik dan alat Pemprosesan Bahasa Tabii .

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Pengenalan :
 - Pengetahuan dalam Pemprosesan Pertuturan dan bahasa
 - Komunikasi & bahasa tabii
 - Pemprosesan dan Penjanaan Bahasa Tabii
2. Analisis bahasa
 - Teks (monolog) dan Pertuturan (dialog)
 - Tahap Pengetahuan
 - Masalah tidak jelas (*Ambiguity*)
3. Fonology
 - analisis Fonology
4. Morfology
 - *Morfology Inflectional* dan *derivational*
 - *Finite State Transducer*
5. Sintaks
 - Grammar
 - *Part of speech tagging* (POS)
 - teknik *Parsing*
6. Semantiks
 - Mewakili makna dan analisis
 - *Lexical semantic*
7. Pragmatik
 - *Discourse*
 - Pengetahuan dunia
8. Aplikasi pemprosesan bahasa tabii

Rujukan

1. James Allen. 1994 : *Natural Language Understanding*, Addison Wesley
2. Gazdar and C. Mellish. 1989. *Natural Language Processing in Prolog*, Addison Wesley..

Kaedah Penilaian

Penilaian berterusan	: 50%
Peperiksaan	: 50%

WAES3106 PEMROSESAN IMEJ

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menghuraikan proses-proses dan perkakasan bagi perolehan imej
2. mengaplikasikan proses operasi pra pemprosesan di dalam penaiktarafan imej
3. membandingkan pelbagai segmentasi imej dan operasi pencarian sifat
4. mengenalpasti aplikasi pemprosesan imej di dalam pelbagai bidang

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Visi (*vision*) Komputer: Persampelan, pendigitan, keperluan peralatan dan sistem paparan khusus. Teknik-teknik perkakasan. Penangkapan dan pengumpulan imej.
2. Pemprosesan awal imej: Konvolusi, Operasi titik (setempat & global), Operasi Keseluruhan, Operasi jiran, Operasi geometri,
3. Pembahagian (*Segmentation*): Definasi formal, Cara piksel, lokal, rantau, global
4. Penyarian sifat (*feature extraction*): Sifat imej, Kod imej, Sifat pinggir, Sifat rantau, Morphology matematik
5. Klasifikasi corak: Cara statistik
6. Aplikasi pemprosesan imej: robotik, perubatan, "*remote sensing*"
7. Penapisan transformasi – Transformasi Fourier, Penuras
8. Pencaman imej
9. Lebih dari 2D (3D Statik, Video & Animasi: 4D)

Rujukan

1. Awcock, G.W & R. Thomas. 1995. *Applied image processing*. McGraw Hill.
2. Gonzalez, Rafael C.; Richard E. Woods. 1993. *Digital image processing*.

Kaedah Penilaian

Penilaian berterusan	: 50%
Peperiksaan	: 50%

WAES3102 ASAS KEPINTARAN ROBOT

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. mengenalpasti dan menerangkan komponen-komponen robot
2. membezakan pelbagai sensor robotik
3. mengaplikasikan teknik visual robot dan pemrosesan pertuturan di dalam masalah kepintaran buatan
4. menganalisa perkembangan robotik
5. menilai integrasi aspek biomekanikal dalam robotik
6. melakukan simulasi integrasi robot dengan menggunakan alat-alat perisian.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Pengenalan dan latar belakang robotik.
2. Aplikasi: (militari, industri, perubatan, bantuan, pencarian, *exploration* dan keselamatan, setkor rumah, Sony AIBO, humanoid, ASIMO, I robot komersial, Honda vacuum).
3. Kesan robot terhadap kehidupan dan isu sosial.
4. Komponen robot.
5. Jenis-jenis robot serta fungsi dan aplikasi.
Kepintaran : Deria –.
6. Deria - penglihatan, akustik, percakapan, sentuhan, *olfactory (artificial nose)*.
7. Kinematik robot
8. Emosi buatan.
9. Ajen *conservational*.
10. Navigasi, kelakuan dan pemetaan kognitif.
11. Penglihatan– imej, geometri kamera, pencaman corak, analisis piksel.
12. *Sensor*.
13. Penyelesaian masalah robot
14. Gelintaran ruang keadaan
15. Perancangan tugas– persekitaran, keterangan geometry dan kinematik, haluan, pegangan. Ciri sensor.
16. *Reproduction*.

Rujukan

1. Niku, Saeed B., 2001. *Introduction to Robotics, Analysis, Systems, Applications*. Prentice-Hall. [TJ211 Nik - Kejuruteraan]
2. McKerrow P.J. 1991. *Introduction to Robotics*. Addison-Wesley. [TJ211 Mac - Utama/Kejuruteraan]
3. James L Fuller, 1998. *Robotics: Introduction, Programming and Projects*. Prentice-Hall.
4. Fu, K.S., Gonzalez R.C., Lee C.S.G. 1987. *Robotics – Control, Sensing, Vision and Intelligence*. McGraw-Hall.

Kaedah Penilaian

Penilaian berterusan	: 50%
Peperiksaan	: 50%

WAES3104 ASAS RANGKAIAN NEURAL BUATAN**Hasil Pembelajaran**

Pada akhir kursus pelajar dapat :

1. menghuraikan komponen bagi neuron dan senibina Rangkaian Neural Buatan
2. membandingkan kategori-kategori terselia dan tidak terselia di dalam Rangkaian Neural Buatan
3. mengaplikasikan peraturan pembelajaran yang sesuai bagi sesuatu masalah
4. mewakili data sebagai input yang sesuai ke dalam sesuatu rangkaian neural

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Sejarah, rekabentuk dan motivasi biologi
2. Ciri-ciri rangkaian neural – 'synapses', 'Denrite', 'Activation'.
3. Algebra linear
4. 'Supervised' dan 'Non-Supervised' Rangkaian Neural.
5. Jenis-jenis Rangkaian Neural
– Perceptrons, Hebb, Adaline, Madaline
6. Petua pembelajaran (Learning rules)
– Pembelajaran Perceptron, Hebbian, Back-Propagation, Adaline & Madaline
7. Pembelajaran 'Generalised Hebbian Learning' & 'Competitive Learning'

Rujukan

Peperiksaan Akhir : 50%

WRES3315 PENGATURCARAAN SISTEM TERBENAM

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menerangkan konsep dan senibina bagi sebuah sistem terbenam.
2. Memprogramkan satu aplikasi sistem terbenam.
3. Menggunakan teknik pengantaramukaan kepada satu aplikasi sistem terbenam.

Sinopsis Kandungan Kursus

1. Gambaran keseluruhan sistem terbenam.
2. Rekabentuk pemproses khusus bolehubah.
3. Pemproses khusus piawai
4. Pengurusan ingatan sistem terbenam
5. Pengantaramukaan sistem terbenam.
6. Kawalan dalam sistem terbenam.

Rujukan

Sila rujuk kepada pensyarah.

Kaedah Penilaian

Kerja Kursus : 50%
Peperiksaan Akhir : 50%

KURSUS TERAS JABATAN SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT

PENGURUSAN

CAEA1101 PENGANTAR PERAKAUNAN

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Memahami Konsep-konsep dan prinsip-prinsip asas perakaunan.
2. Menerangkan fungsi-fungsi laporan perakaunan.
3. Menganalisa dan menggunakan maklumat yang terkandung dalam laporan tahunan yang diterbitkan oleh organisasi-organisasi perniagaan.

Sinopsis Kandungan Kursus

Topik-topik yang dibincangkan termasuk persekitaran perakaunan, persamaan perakaunan dan penyata kewangan, langkah-langkah dalam kitaran perakaunan, perakaunan untuk perniagaan barang niaga, inventori, aset kewangan, aset bukan semasa, perkongsian, syarikat serta analisis dan interpretasi nisbah. Pelajar-pelajar juga akan didedahkan kepada isu-isu etika yang relevan.

Rujukan

1. Norhayah Zulkifli & Mohd Sarif Ibrahim. 2002. *Perakaunan Kewangan: Prinsip dan Amalan*. 2nd ed. Ariffi Resources, Kuala Lumpur.
2. Meigs, R.F., M.A. Meigs, M. Bettner, R. Whittington, Takiah Mohd Iskandar and S.D. Susela. 2000. *Perakaunan Kewangan dan Pelaporan – Perspektif Pembuat Keputusan Strategik*. 1st. ed. McGraw-Hill.

Kaedah Penilaian:

Kerja Kursus	:	40%
Peperiksaan Akhir	:	60%

CBEB1102 PRINSIP PENGURUSAN

Prasyarat

Telah atau sedang mengambil subjek asas perniagaan yang lain seperti Kewangan, Perakaunan dan Pemasaran.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengaplikasikan teknik-teknik pengurusan yang lebih efisien dan efektif melalui pendekatan teori dan amali.
2. Menjalankan kajian kes dan penyelidikan praktikal ke atas syarikat-syarikat tempatan.

3. Menggunakan teknik-teknik pengurusan dengan bijak mengendalikan pelbagai sumber organisasi apabila mereka telah bekerja kelak.

Sinopsis Kandungan Kursus

Secara amnya, kursus ini menghuraikan empat prinsip utama bidang pengurusan iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan kawalan. Keempat-empat prinsip tersebut membentuk apa yang disebut sebagai proses pengurusan atau 'management process'. Huraian ke atas proses pengurusan ini dijalankan dalam konteks persekitaran yang sentiasa berubah; misalnya bagaimana fenomena globalisasi kini melanda dunia akan mempengaruhi corak pengurusan organisasi di masa hadapan. Dalam kursus ini juga para pelajar akan dididik dengan lain-lain aspek penting pengurusan seperti etika dan tanggungjawab sosial, membuat keputusan, budaya korporat dan sebagainya.

Rujukan

1. Plunkett, Attner, and Allen. 2002. *Management: Meeting and Exceeding Customer Expectations*. 7th edition. South-Western.
2. Robbins, Stephen P and Coulter, Mary. 2002. *Management*. 7th edition. Prentice-Hall. Griffin, R.W. 1999. *Management*. Houghton- Boston: Mifflin Company

Kaedah Penilaian

Kerja Kursus	:	40%
Peperiksaan Akhir	:	60%

CBEB1104 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mempelajari konsep, prinsip-prinsip dan teknik-teknik pengurusan sumber manusia
2. Memahami aplikasi konsep dan teknik dalam pengurusan sumber manusia
3. Mendedahkan keadaan pengurusan sumber manusia dalam konteks Malaysia

Sinopsis Kandungan Kursus

Pelaksanaan fungsi pengurusan sumber manusia secara berkesan adalah penting untuk organisasi yang menghadapi pelbagai cabaran seperti globalisasi, pengubahan teknologi, keuntungan, pertumbuhan dan kos pengeluaran. Kursus ini akan membincangkan dengan mendalam berkenaan konsep, prinsip dan teknik pengurusan sumber manusia. Melalui kursus ini, pelajar akan didedahkan kepada perkara-perkara yang termasuk penstafan, latihan dan pembangunan, pengganjaran serta faedah dan kemudahan.

Rujukan

1. Dessler, G. 2003. *Human Resource Management*. New Jersey: Prentice Hall.
2. Bohlander, G. Snell & Sherman, A., 2001. *Managing Human Resources*, Ohio: South-Western College Publishing.

Kaedah Penilaian

Kerja Kursus	:	50%
Peperiksaan Akhir	:	50%

CBEB1106 PRINSIP PEMASARAN

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. konsep-konsep serta teori-teori pemasaran.
2. Mengasah kemahiran para pelajar dalam perkara-perkara berhubung dengan pemasaran seperti falsafah pemasaran, pertukaran dalam pasaran, campuran pemasaran, gelagat pengguna dan sebagainya.

Sinopsis Kandungan

Antara perkara yang diberi liputan dalam kursus ini adalah pengenalan kepada pemasaran, pemasaran sebagai satu kemahiran social atau kemasyarakatan, analisis pertukaran dalam pasaran, campuran pemasaran, gelagat pengguna, kajian pemasaran, pemasaran Internet, pemasaran perkhidmatan, pemasaran untuk organisasi bukan niaga dan budaya pemasaran.

Rujukan

1. Lamb, C.W. Jr., Haor J.F. Jr., McDaniel C.; *Marketing*, 5th. Edition, South Western(2000)
2. Kotler P. & Armstrong G.; *Principles of Marketing*, 9th.Edition, Prentice Hall (2001)
3. Peter J.P. & Donnelly J.H. Jr., *Marketing Management*, 6th. Edition, Mcfraw-Hill.

Kaedah Penilaian

Kerja Kursus	:	50%
Peperiksaan Akhir	:	50%

CBEB1107 EKONOMI PENGURUSAN I

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Memahami prinsip-prinsip asas mikroekonomi yang relevan dengan analisis masalah-masalah perniagaan
2. Memahami bagaimana unit-unit ekonomi (pengguna dan pengeluar) membuat keputusan dan berinteraksi dalam pasaran.

Sinopsis Kandungan Kursus

Melalui kursus ini pelajar akan didedahkan kepada prinsip-prinsip asas ekonomi seperti kekurangan dan pilihan bagaimana teori harga, teori pengeluaran dan teori agihan dibangunkan darip prinsip asas ini. Perbincangan teori harga merangkumi model penawaran dan permintaan, keanjalan, perlakuan pengguna dan keluk permintaan serta perlakuan firma dan keluk penawaran. Teori pengeluaran akan membincangkan teori firma dalam pelbagai struktur pasaran. Manakala agihan meliputi penentuan harga iaitu bruh dan modal.

Rujukan

1. Pyndick, R.S. & D.L. Rubinfeld (2001), *Milroeconomics*, Prentice Hall
2. Bernanke, F. (2000), *Principles of Microeconomics* McGraw-Hill
3. Moschandres, M. (2000), *Business Economics*, Business Press, Thomson Learning

Kaedah Penilaian:

Penilaian Berterusan : 50%
Peperiksaan Akhir : 50%

CBEB1108 EKONOMI PENGURUSAN II

Prasyarat

CBEB1107 *Ekonomi Pengurussan I*

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Memahami prinsip-prinsip asas mikoekonomi iaitu mengenai perkaitan antara sector ekonomi serta perjalanan sesebuah ekonomi secara keseluruhannya.
2. Melihat bagaimana kerajaan menggunakan pelbagai polisi samada fiscal ataupun kewangan dalam menyelesaikan masalah-masalah ekonomi Negara.

Sinopsis Kandungan Kursus

Melalui kursus ini pelajar akan didedahkan kepada isu an permasalahan makroekonomi serta konsep asas ukuran dan pengiraan kemajuan sesebuah Negara. Pelajar juga didedah pada alat-alat analisa terhadap setiap sektor ekonomi. Turut dibincangkan ialah model asas penentu pendapatan Negara bagi ekonomi terbuka dan tertutup di samping teori-teori yang mnghuraikan saling berhubungn antara penggunaan kerajaan dan percukaian.

Rujukan

1. Froyen, R.T. (2002), *Macroeconomics : Theories and Policies*, 7th ed., Prentice Hall
2. Dornbusch R., S. Fischer & R. Startz (2001), *Macroeconomics*, McGraw-Hill
3. Barro, R.J. (2000), *Macroeconomics*, MIT Press, Cambridge

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan : 50%
 Peperiksaan Akhir : 50%

CBEB2102 PENGURUSAN KEWANGAN

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Memahami, mendalami dan mengaplikasikan prinsip dan teknik di dalam menguruskan kewangan dunia perniagaan
2. Memahami peranan dan fungsi institusi kewangan, agensi kerajaan dan lain-lain badan pengawalan yang beroperasi di dalam system kewangan di Malaysia.

Sinopsis Kandungan Kursus

Kursus ini membincangkan mengenai pelbagai alat kewangan yang dapat digunakan untuk mengurus kewangan syarikat dengan lebih berkesan. Topik-topik seperti penyata kewangan dan analisis, konsep nilai masa wang dan konsep risiko dan pulangan juga akan dibincangkan. Topik semasa juga akan diperkenalkan sejauh mana yang boleh.

Rujukan

1. Ross, Westerfield and Jordan, Fundamentals of Corporate Finance (New York: McGraw Hill), 1999. Fourth Edition.
2. Weston and Brigham, Essential of Managerial Finance: (Fort Worth: The Dryden Press), 1996, Eleventh Edition.
3. Van Horne & Wachwicz, Fundamentals of Financial Management, (New Jersey: Prentice Hall), 1999. Tenth Edition.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan : 50%
 Peperiksaan Akhir : 50%

CBEB2103 PENGURUSAN PENGELUARAN

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Memahami tentang ilmu pengurusan pengeluaran
2. Didedahkan pada rangka kerja dan system-sistem pengeluaran yang dipraktikkan di industri-industri dalam dan luar Negara.
3. Memahami ciri-ciri seorang pengurus pengeluaran, fungsi-fungsi penting di dalam pengurusan pengeluaran dan mengenalpasti system-sistem pengeluaran permasalahan dan isu-isu di dalam fungsi pengeluaran.

Sinopsis Kandungan Kursus

Kursus ini bertujuan mengkaji dengan lebih mendalam konsep-konsep di dalam system pengeluaran terkini. Pelajar akan membentuk model pengeluaran dengan mengenal dan menganalisa pembuatan keputusan Pengurusan Pengeluaran. Topik-topik dalam perhatian ialah system ramalan, strategi proses, lokasi, susunatur, pengurusan inventori dan pengurusan projek.

Rujukan

1. Heizer, J and Reder, B. 1998. *Production and Operation Management*, ffth Edition, Prentice Hall: New Jersey.
2. Slack, N, Chambers, S, Harland, C, Harrison, A and Johnson, R. 1998. *Operation Management*, Second Edition, Pitman Publishing: London.

Kaedah Penilaian

Kerja Kursus	:	50%
Peperiksaan Akhir	:	50%

CBEB2302 KEUSAHAWANAN

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengetahui selok-belok bidang keusahawanan melalui pendekatan teori dan amali
2. Mendalami teori keusahawanan di samping mempelajari proses memula dan membangunkan perniagaan.
3. Mampu berkecimpung dan bersaing di bidang keusahawanan sejajar dengan aspirasi nasional

Sinopsis Kandungan Kursus

Kursus ini secara ringkasnya dibahagi kepada 2 bahagian iaitu teori dan amali. Di peringkat teori pelajar akan diberi pengetahuan tentang prinsip keusahawanan seperti kreativiti dan nomasi, memanfaatkan peluang perniagaan, mengurus risiko dan sebagainya. Pelajar akan mengimbuu kembali kandungan subjek asas perniagaan yang telah mereka pelajari seperti kewangan, perakunan dan pemasaran dan melihat bagaimana semua subjek ini disatukan di dalam bidang keusahawanan.

Peringkat amali mengkehendaki pelajar supaya menyediakan sendiri sebuah pelan perniagaan di mana pelajar dapat mengaplikasikan teori yang diajar di dalam kelas. Ini termasuklah merangka cadangan ke atas tapat perniagaan, sumber modal, pasaran dan lain-lain di samping mengendalikan pelbagai masalah yang mungkin timbul dan cara mengatasinya.

Rujukan Utama

1. Zimmerer, T., Scarborough, N. *Essentials of Entrepreneurship and small Business Mgt*, Upper Saddler River, 2001.
2. Longenecker et al. *Small Business Mngement* (11th Ed.) South _ Western College, 2000.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan : 50%
 Peperiksaan Akhir : 50%

CBEB3103 PENGURUSAN STRATEGIK

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mendedahkan suasana, konteks dan pendekatan pembuatan keputusan strategik
2. Membentuk kefahaman konsep, teori dan praktis pengurusan strategi
3. Membentuk kemahiran konseptual untuk mengintegrasikan pengetahuan pengurusan kefungsi yang telah dipelajari sebelum ini
4. Membentuk kerangka analisis dan kemahiran yang berkaitan mengenai isu dan masalah strategik dalam kes yang kompleks, membuat alternatif tindakan, dan menyediakan cadangan tindakan yang perlu diambil.

Sinopsis Kandungan Kursus

Perancangan strategik adalah berhubung dengan penentuan matlamat dan pengorganisasian untuk mencapai matlamat tersebut. Penentuan hala tuju strategik memerlukan penilaian peluang dan ancaman dalam persekitaran, dan analisis kekuatan dan kelemahan dalam organisasi. Perancangan yang baik sahaja tidak dapat memastikan kejayaan organisasi. Oleh itu, pengurusan strategik meliputi pembentukan pelan strategik dan juga pengimplementasian dan kawalan yang berkesan. Kursus ini dibentuk untuk mendedahkan penuntut kepada konsep, teori dan praktis pengurusan strategik. Pelajar juga akan didedahkan kepada pembentukan kemahiran dan kerangka analisis strategik.

Kursus ini mengembelikan kuliah dengan kes-kes sebenar yang dapat mencetuskan perbincangan mengenai isu dan keputusan strategik yang dihadapi oleh organisasi.

Rujukan utama:

Hitt, Michael, Duane Ireland, dan Robert Hoskisson. 2003. *Strategic Management: Competitiveness and Globalization*. Cincinnati: South-Western Publishing.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan : 50%
 Peperiksaan Akhir : 50%

WMET3181 PROJEK ILMIAH PENGURUSAN I

Hasil Pembelajaran :

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti proses-proses utama dalam pembangunan sistem maklumat.
2. Menjalankan carian literatur dan menghasilkan ringkasan literatur.
3. Menghasilkan satu cadangan projek untuk pembangunan sistem maklumat.
4. Mengguna dan mengaplikasikan alatan pembangunan yang dipilih

Sinopsis Kandungan Kursus :

1. Pengenalan kepada proses-proses utama dalam pembangunan sistem maklumat
2. Kenalpasti literatur dan latarbelakang yang penting
3. Penyataan masalah - objektif, skop dan hasil
4. Kenalpasti dan huraikan keperluan fungsian dan bukan fungsian
5. Hasilkan senibina sistem dan rekabentuk awal yang dicadangkan
6. Kenalpasti dan pelajari peralatan pembangunan
7. Penggunaan peralatan pembangunan

Kaedah Penilaian: Penilaian berterusan : 100%

WMET3182 PROJEK ILMIAH PENGURUSAN II

Prasyarat

WPET3181 *Projek Ilmiah Pengurusan I*

Hasil Pembelajaran :

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menghasilkan rekabentuk terperinci untuk sistem maklumat yang dicadangkan
2. Membangunkan sistem maklumat
3. Menguji dan menilai sistem maklumat yang dibangunkan
4. Menghasilkan laporan projek keseluruhan sistem maklumat yang dibangunkan
5. Mempersalahkan dan mendemonstrasikan sistem maklumat yang dibangunkan

Sinopsis Kandungan Kursus :

1. Analisis dan rekabentuk sistem maklumat
2. Pembangunan sistem maklumat
3. Pengujian dan penilaian sistem maklumat
4. Penulisan laporan
5. Pembentangan sistem maklumat

Kaedah Penilaian : Penilaian berterusan : 100%

UNIT MULTIMEDIA

WRET1101 Sistem Multimedia

Hasil Pembelajaran:

Pada akhir kursus pelajar dapat:

1. Mengenalpasti dan menghuraikan teknologi yang menyokong perkembangan aplikasi multimedia.
2. Menerangkan teknik dan isu yang berkaitan dengan perwakilan maklumat secara digital.
3. Menggunakan perisian-perisian penyuntingan dan pengarangan bagi tujuan penyediaan dan penyuntingan pelbagai bentuk media sebelum diintegrasikan dalam suatu sistem multimedia.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Di dalam kursus ini pelajar akan diajar tentang teknologi yang menyokong perkembangan aplikasi multimedia termasuklah teknik-teknik pendigitalan elemen-elemen multimedia, teknologi perkakasan-perkakasan yang berkaitan, perisian-perisian penyuntingan dan pengarangan aplikasi multimedia, dan kaedah-kaedah pembangunan suatu aplikasi bermultimedia.

Rujukan:

Graham, Gordon: Philosophy of the Arts, 1977. Routledge: London
 Hamidah Abdulhamid. 1995 Pengantar Estetik, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
 Reese, W.L.:1980. Dictionary of Philosophy, Sussex: Harvester Press

Kaedah Penilaian:

Kerja Kursus : 50%
 Peperiksaan Akhir : 50%

WRET1104 Matematik untuk Multimedia

Hasil Pembelajaran:

Pada akhir kursus ini pelajar akan dapat:

1. Mengenalpasti dan menghuraikan teknik-teknik matematik yang digunakan dalam aplikasi multimedia.
2. Mengaplikasikan teori-teori matematik dalam proses rekabentuk dan pembangunan aplikasi multimedia.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Kursus ini merangkumi topik-topik berikut: nombor dan aritmetik, kawasan dan penglinearan, masa dan kekerapan, pensampelan dan jangkakan, penskalaan dan resolusi, dan pengulangan dan maklumat.

Rujukan:

1. Mladen Victor Wickerhauser, "Mathematics for Multimedia", Eacademic Press Inc (London) Ltd, 2003

Kaedah Penilaian:

- Kerja Kursus : 50%
Peperiksaan Akhir : 50%

WRET1105 Pembangunan Aplikasi Multimedia

Hasil Pembelajaran:

Pada akhir kursus ini pelajar akan dapat:

1. Membezakan kegunaan, kekuatan dan kelemahan pelbagai jenis aplikasi multimedia.
2. Menerangkan asas objek multimedia.
3. Membangunkan setiap objek multimedia menggunakan alatan penyuntingan multimedia yang bersesuaian.
4. Membangunkan sebuah aplikasi multimedia dengan menggunakan alatan pengarang multimedia.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Kursus ini dimulai dengan pengenalan kepada pelbagai aplikasi multimedia yang berbeza dengan memberi penekanan kepada kegunaan aplikasi, serta kekuatan dan kelemahan aplikasi tersebut. Kemudian pelajar diajar tentang proses pembangunan aplikasi multimedia. Pelajar juga akan diajar tentang proses penghasilan dan penyuntingan image digital dan grafik, video digital dan bunyi digital menggunakan alatan penyuntingan multimedia yang berkaitan seperti Adobe Photoshop, Adobe Premiere and Soundforge. Ini diikuti dengan pemodelan objek 3D menggunakan alatan pembangunan realiti maya. Akhir sekali, pelajar akan dilatih menggunakan alatan pengarang multimedia dan aplikasi pangkalan data yang berkaitan bagi pembangunan satu aplikasi multimedia yang interaktif.

Rujukan:

1. Tay Vaughan, 2003. "Multimedia: Making it Work" 6th Edition, McGraw Hill.
2. Tim Morris, 2000. "Multimedia Systems: Applied Computing", Springer.
3. Don and Melora Foley, 1997. "Animation Tips and Tricks for Windows and Mac", Peachpit Press.

Kaedah Penilaian

- Kerja Kursus : 50%
Peperiksaan Akhir : 50%

WRET2105 Sintesis Audio

Hasil Pembelajaran:

Pada akhir kursus ini pelajar akan dapat:

1. Menghuraikan teknik mensintesis audio dan pengawalan audio.
2. Sintesis fail audio digital dalam format .aiff, .wav dan .midi.
3. Menerangkan tentang ciri-ciri sistem sintesis dan pencaman ucapan.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Kursus ini dimulai dengan pengenalan kepada sifat-sifat bunyi fizikal dan akustik, diikuti dengan topik-topik berikut: ciri-ciri gelombang bunyi, hubungkait gelombang bunyi dengan persepsi manusia terhadap bunyi, pensampelan bunyi, dan alatan bagi pemprosesan bunyi. Kemudian pelajar akan diajar tentang pengaturcaraan Csound dengan memberi penekanan kepada sintaks fail orkestra dan skor, dan bagaimana untuk mengaturlcara kedua-dua fail ini berdasarkan teknik sintesis yang tertentu bagi menghasilkan satu fail audio. Untuk tujuan ini, pelajar akan diajar tentang beberapa teknik sintesis yang biasa digunakan seperti *additive*, *subtractive*, *FM (Frequency Modulation)* dan *AM (Amplitude Modulation)*. Kursus diakhiri dengan perbincangan tentang ciri-ciri dan kegunaan sistem sintesis ucapan dan pencaman ucapan.

Rujukan:

1. Riccardo Bianchini, Alessandro Cipriani , 2000, Virtual Sound: Sound Synthesis and Signal Processing - Theory and Practice with Csound, ConTempo
2. Richard Charles Boulanger. 1999. Csound Book: Perspectives in Software Synthesis, Sound Design, Signal Processing, and Programming. MIT Press,
3. <http://eamusic.dartmouth.edu/~book/MATCpages/tableofcontents.html>

Kaedah Penilaian:

Kerja Kursus	:	50%
Peperiksaan Akhir	:	50%

WRET2106 Rendering & Animasi

Hasil Pembelajaran:

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menjelaskan teknik-teknik yang digunakan dalam proses *rendering* dan animasi.
2. Menghasilkan satu projek animasi berkomputer.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Pada peringkat awal kursus, pelajar akan didedahkan dengan teknologi animasi komputer dan aplikasi-aplikasinya. Selanjutnya, pelajar akan diajar tentang fasa-fasa utama di dalam pembangunan aplikasi animasi komputer yang meliputi aspek-aspek seperti permodelan, pe-animasian, pengtekturan,

pencahayaan, *compositing* dan *rendering*. Pada akhir kursus, pelajar akan dilengkapi dengan pengetahuan mengenai masa depan animasi komputer dan peluang-peluang pekerjaan dalam bidang ini.

Rujukan:

1. Baker, H. 2004. *Computer Graphics with OpenGL*, Prentice Hall
2. Giamb Bruno, M. 2002. *3D Graphics & Animation*, New Riders
3. Parent, R. 2002. *Computer Animation: Algorithm and Techniques*, Morgan Kaufmann.
4. Vince, J. 2000. *Essential Computer Animation*, Springer.

Kaedah Penilaian:

Kerja Kursus	:	50%
Peperiksaan Akhir	:	50%

WRET2107 Pengkomputeran Visual Dan Grafik**Hasil Pembelajaran:**

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menghuraikan secara terperinci tentang konsep simulasi komputer.
2. Menerangkan teknik-teknik perwakilan objek
3. Menerangkan tentang transformasi objek 2D dan 3D dan 3D.
4. Menghasilkan grafik komputer menggunakan OpenGL.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Di dalam kursus ini, pelajar akan mengetahui tentang konsep dan teknik-teknik asas di dalam penghasilan grafik komputer 2D dan 3D. Selain daripada itu, pelajar juga akan diterangkan mengenai langkah-langkah untuk pembinaan grafik primitif, asas-asas dan teknik di dalam proses transformasi dan penjelmaan objek 3D. Selain daripada itu, beberapa perkara utama di dalam grafik seperti 'clipping', model pencahayaan atau iluminasi dan konsep bayangan juga akan dijelaskan pada peringkat pertengahan kursus. Kursus ini diakhiri dengan penerangan tentang teknologi dan perkara-perkara yang berkaitan dengan komunikasi grafik, permodelan geometrik dan asas-asas dan penggunaan dan kepentingan visualisasi dan simulasi grafik di dalam kehidupan.

Rujukan:

1. Woo, M. et al. (1999). *OpenGL Programming Guide The Official Guide to Learning OpenGL*. Addison Wesley
2. Foley J., van Dam A. et al., (1996). *Computer Graphics: Principles and Practice*. Addison Wesley, 2nd Edition.
3. Baker, H. 2004. *Computer Graphics with OpenGL*, Pearson Prentice Hall
4. Watt A. and Watt M., (1992). *Advanced Animation and Rendering Techniques*. Addison Wesley
5. Parent, R. 2002. *Computer Animation: Algorithm and Techniques*, Morgan Kaufmann.

6. Woo, M. et. al. (1997). OpenGL Programming Guide. Addison Wesley

Kaedah Penilaian:

Kerja Kursus : 50%
Peperiksaan Akhir : 50%

WRET2108 Pemprosesan Imej Digital

Hasil Pembelajaran:

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Mengenali operasi-operasi berkaitan dengan pemprosesan imej digital.
2. Menerangkan teknik-teknik pemprosesan imej digital secara khusus.
3. Mengaplikasikan teknik pemprosesan imej digital yang sesuai.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Kursus ini dimulai dengan pengenalan kepada pemprosesan imej digital, diikuti dengan penerangan tentang perwakilan imej digital. Kemudian pelajar akan diajar tentang penganalisaan imej termasuk pengkuantitian imej, pengsejmenan, transformasi, penapisan dan pencaman tepian dan baris . Pelajar juga akan belajar tentang proses pemulihan dan penambahbaikan imej. Akhir sekali pelajar akan diajar tentang teknik-teknik pemampatan imej.

Rujukan:

1. R.C.Gonzalez and R.E.Woods. (2002). Digital Image Processing. 2nd Ed. Addison-Wesley,
2. Nick Efford. (2000). Digital Image Processing, a Practical Approach Using Java, Addison Wesley.
3. Scott E. Umbaugh. (1998). Computer Vision & Image Processing. Prentice Hall

Kaedah Penilaian:

Kerja Kursus : 50%
Peperiksaan Akhir : 50%

WRET2109 Pemprosesan Video Digital

Hasil Pembelajaran:

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Mengenali operasi-operasi berkaitan dengan pemprosesan video digital.
2. Menerangkan teknik-teknik pemprosesan video digital secara khusus.
3. Mengaplikasikan teknik pemprosesan imej video yang sesuai.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Kursus ini dimulai dengan pengenalan kepada pemprosesan video digital, diikuti dengan topik-topik berikut: perwakilan video digital, pensampelan 'Spatial' dan 'Temporal', teknik-teknik ramalan pergerakan dua dan tiga

dimensi, dan teknik-teknik pengkodan video. Pelajar juga akan diajar tentang pemrosesan video stereo dan 'multiview', beserta kaedah dan piawai pemampatan video. Kusus ini diakhiri dengan isu berkaitan kawalan ralat dalam komunikasi video.

Rujukan:

1. Yao Wang, Joern Ostermann, and Ya-Qin Zhang. (2002). Video Processing and Communications, Prentice Hall.

Kaedah Penilaian

Kerja Kursus	:	50%
Peperiksaan Akhir	:	50%

WRET3181 Projek Ilmiah Multimedia I**Hasil Pembelajaran:**

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Menunjukkan kebolehan menganalisa masalah dan menghasilkan pernyataan masalah.
2. Mengenalpasti pendekatan penyelesaian yang sesuai bagi masalah yang dikenalpasti.
3. Menyemak leteratur yang berkaitan kepada masalah.
4. Mengenalpasti peralatan yang sesuai bagi penyelesaian yang dicadangkan.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Projek Ilmiah Multimedia I bermula dengan pelajar perlu mengenalpasti penyelia yang menawarkan tajuk projek yang diminati. Selepas itu pelajar dikehendaki membaca dan menganalisa artikel-artikel akademik yang berkaitan dengan projek ilmiah yang dipilih. Pelajar kemudiannya mesti menghasilkan ringkasan ilmiah bagi sekurang-kurangnya tiga artikel, seboleh-bolehnya artikel journal. Berdasarkan kepada analisis yang dihasilkan, pelajar harus mampu mendefinisikan pernyataan masalah dan mengenalpasti pendekatan yang sesuai bagi mengatasi masalah yang telah dikenalpasti. Bagi mengenalpasti pendekatan yang terbaik untuk digunakan, adalah penting bagi pelajar untuk menjalankan LITERATURE SEARCH dan membandingkan kajian-kajian dari penyelidik lain. Pelajar juga perlu belajar tentang bahasa pengaturcaraan dan/atau alatan yang berkaitan untuk projek ilmiah mereka. Di penghujung kursus ini, pelajar mesti menyerahkan kertas cadangan bagi projek ilmiah mereka sebelum sesi viva bermula. Semasa sesi viva, pelajar akan diuji dengan perkara-perkara berikut: kebolehan untuk menerangkan yang baik cadangan projek mereka, dan kebolehan untuk mengaturcara dengan baik menggunakan bahasa pengaturcaraan yang dipilih dan/atau alatan yang bersesuaian.

Kaedah Penilaian:

Penilaian Berterusan	:	100%
----------------------	---	------

WRET3182 Projek Ilmiah Multimedia II**Hasil Pembelajaran:**

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. Merekabentuk, melaksana, menguji dan menilai sistem yang dibangunkan.
2. Menulis laporan akademik berkenaan projek.
3. Membuat pembentangan projek yang dibangunkan untuk memberi justifikasi kepada penyelesaian-penyelesaian yang dicadangkan, pembangunan sistem dan juga sistem yang dihasilkan.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Projek Ilmiah Multimedia II memberi focus kepada rekabentuk dan pembangunan sistem berdasarkan keperluan yang telah dinyatakan dalam kertas cadangan yang telah dipersetujui (disediakan lebih awal dalam Projek Ilmiah Multimedia I). Dalam kursus ini, pelajar mesti mempamerkan keupayaan untuk menerangkan rekabentuk sistem mereka dengan berkesan menggunakan alatan perwakilan grafik seperti UML. Pelajar juga mesti menyiapkan pembangunan sistem mereka dan melaksanakan penilaian terhadap sistem tersebut. Untuk projek yang berurusan secara terus dengan pengguna, pelajar dikehendaki untuk menguji keberkesanan sistem mereka dengan pengguna sasaran. Pada penghujung kursus ini, pelajar mesti menyerahkan laporan penyelidikan yang lengkap sebelum sesi viva bermula. Semasa sesi viva, pelajar akan diuji dengan perkara-perkara berikut: kebolehan menerangkan dengan jelas rekabentuk sistem mereka, kejayaan mendemonstrasi sistem mereka, dan boleh memberi justifikasi akan kemudahlunturan sistem mereka berdasarkan atas laporan penilaian sistem mereka.

Kaedah Penilaian:

Penilaian Berterusan : 100%

WRET3309 Realiti Maya**Hasil Pembelajaran:**

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menerangkan teknologi yang mendukung aplikasi realiti maya.
2. Menjelaskan aspek persepsi manusia yang perlu dipertimbangkan dalam mewujudkan kesan realiti maya pada penciptaan peranti realiti maya.
3. Membangunkan satu persekitaran dunia maya menggunakan bahasa pemodelan dunia maya.
4. Menjelaskan konsep dan teknik yang berkaitan dengan visualisasi data.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Kursus ini dimulai dengan pengenalan kepada teknologi realiti maya, dan aplikasi-aplikasinya. Ini diikuti dengan penerangan mengenai peranti input dan output yang digunakan dalam aplikasi realiti maya. Pelajar juga akan

mempelajari tentang sistem deria manusia (visual, audio, dan sentuh) and hubungkait mereka dengan pembangunan peranti-peranti reality maya, juga kesan peranti-peranti ini ke atas kesihatan manusia. Pelajar kemudiannya akan dilatih bagaimana untuk memodelkan dunia realiti maya, dan berinteraksi dengannya menggunakan bahasa pengaturcaraan dunia maya seperti Virtual Reality Modelling Language dan alatan pembangunan reality maya yang lain. Kursus ini diakhiri dengan memberikan pelajar pengetahuan asas tentang visualisasi data, suatu bidang kajian yang berkait rapat dengan realiti maya.

Rujukan:

1. Vince, J.1995 Virtual Reality Systems, Addison-Wesley.
2. W Schroeder et.al. 1998. The Visualization Toolkit (2nd edition). Prentice Hall. 1998.
3. Andrea L. Ames et.al. 1997. VRML 2.0 Source Book :John Wiley & Sons, Inc, 1997

Kaedah Penilaian:

Kerja Kursus	:	50%
Peperiksaan Akhir	:	50%

WRET3310 Pembangunan Aplikasi Web**Hasil Pembelajaran:**

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Melaksanakan pengaturcaraan web menggunakan teknologi web masa kini.
2. Menerangkan teknologi internet dan web.
3. Membangunkan aplikasi web menggunakan beberapa bahasa pengaturcaraan dan peralatan pembangunan web.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Kursus ini dimulai dengan penerangan keseluruhan tentang Internet dan World Wide Web, diikuti dengan pengenalan kepada teknologi wen masa kini seperti Semantic Web dan Web Services. Kemudian pelajar akan diajar tentang penghasilan grafik untuk aplikasi Web menggunakan alatan penyuntingan grafik seperti Adobe Photoshop, diikuti dengan asas pembangunan aplikasi web menggunakan alat pengarang web seperti, Macaromedia Dreamweaver. Kursus ini seterusnya akan memberi penekanan kepada pembinaan aplikasi web yang interaktif dan dinamik menggunakan bahasa pengskriptan seperti HTML, XHTML, DHTML, JavaScripts, Active Server Pages (ASP) dan Extensible Markup Language (XML).

Rujukan:

1. Deitel, Deitel & Neito, Internet & World Wide Web: How to Program, Prentice Hall, 2002
2. Tay Vaughan, Multimedia: Making It Work, Osborne/McGraw Hill, 2001

3. Deitel, Deitel & Neito, E-Business & E-Commerce: How to Program, Prentice Hall, 2001
4. Molly E. Holzschlag, Short Order: HTML 4, Hayden Books, 1999

Kaedah Penilaian:

Kerja Kursus : 50%
 Peperiksaan Akhir : 50%

WXET3309 Pengaturcaraan Multimedia

Hasil Pembelajaran:

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menerangkan konsep dan sintaks pengaturcaraan Java dengan memberi penekanan kepada kelas-kelas yang berkaitan dengan multimedia dan applets.
2. Membangunkan satu aplikasi multimedia atau applet menggunakan Java.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Di dalam kursus ini, pelajar akan diperkenalkan kepada prinsip pengaturcaraan berorientasikan objek menggunakan bahasa pengaturcaraan Java. Kemudian pelajar akan diajar bagaimana untuk menggunakan kelas-kelas dalam pengaturcaraan Java yang berkaitan rapat dengan multimedia bagi tujuan penghasilan satu aplikasi bermultimedia dan applets.

Rujukan:

1. Deitel & Deitel. 2000. "Java How to program, 4th edition", Prentice Hall.
2. P. Naughton and H. Schildt, 1997. Java: The Complete Reference. McGraw-Hill.
3. D. Flanagan. 1997. Java in a Nutshell, 2th ed, O'Reily & Ass.
4. <http://developer.java.sun.com>.

Kaedah Penilaian:

Kerja Kursus : 50%
 Peperiksaan Akhir : 50%

WRET1102 Pengurusan Projek Multimedia

Hasil Pembelajaran:

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menjalankan pengurusan projek multimedia dengan jayanya.
2. Merancang dan merangka penjadualan tugas pembangunan projek dengan sistematik
3. Membangunkan satu projek aplikasi multimedia berdasarkan penjadualan tugas yang telah dirangka.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Pada peringkat awal kursus, pelajar diperkenalkan kepada pelbagai jenis projek multimedia, diikuti dengan garis panduan bagi penyediaan kertas cadangan projek yang baik. Proses penyediaan kertas cadangan ini akan melatih pelajar tentang perkara-perkara berikut: skop projek; hubungkait di antara objektif kursus dengan jenis objek multimedia yang perlu digunakan di dalam projek; kepentingan rekabentuk antaramuka pengguna yang interaktif; teknik dan perawatan media; mengurus kumpulan pembangunan sistem multimedia; penjadualan dan belanjawan projek; dan pernyataan kontrak. Kursus ini juga mengajar pelajar tentang teknik dan stail pengurusan seperti yang berbentuk arahan, perundingan dan delegasi, diikuti dengan isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan aset multimedia. Kemudian pelajar akan belajar bagaimana untuk mengintegrasikan aset-aset multimedia ke dalam aplikasi multimedia dan menguji produk untuk memastikan ia memenuhi matlamat projek. Akhir sekali aspek pemasaran dan harta intelek akan diajarkan kepada pelajar.

Rujukan:

1. Elaine England and Andy Finney. 1999. *Managing Multimedia: Project Management for Interactive Media*. Second Edition Addison-Wesley
2. Connor, D. R. 1993. *Managing at the Speed of Change*. New York, NY: Villard Books.
3. Rodriguez, M. V. R. and Ferrante, A. J. 1996. *Information Technology for the 21st Century: Managing the Change*, Computational Mechanics Publications.

Kaedah Penilaian:

Kerja Kursus	:	50%
Peperiksaan Akhir	:	50%

WRET3312 Multimedia Dalam Pembelajaran**Hasil Pembelajaran:**

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menerangkan konsep dan teori pembelajaran yang digunakan dalam penghasilan produk multimedia bagi tujuan pembelajaran.
2. Membezakan model-model rekabentuk arahan dan mengenalpasti kelebihan dan kekurangan setiap model tersebut.
3. Mengaplikasikan teori pembelajaran, model rekabentuk arahan dan strategi pedagogi yang sesuai dalam rekabentuk dan pembangunan aplikasi pembelajaran bermultimedia.
4. Membangunkan pakej pembelajaran multimedia.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Kursus ini dimulai dengan pengenalan kepada aplikasi multimedia dalam pembelajaran, diikuti dengan beberapa teori pembelajaran dan aplikasi teori tersebut di dalam bidang pembelajaran multimedia secara interaktif.

Seterusnya pelajar diajar tentang beberapa model rekabentuk arahan seperti 'Phenomenological Models', 'Prescriptive Models', and 'Comparative Summary', dan isu-isu pedagogi yang mendokong penggunaan multimedia yang efektif di dalam pakej pembelajaran multimedia. Kursus ini diakhiri dengan isu-isu yang berkaitan dengan psikologi manusia dalam pembelajaran, dan kesannya ke atas rekabentuk pakej pembelajaran bermultimedia yang berkesan.

Rujukan:

1. Richard E. Mayer, 2001, *Multimedia by Learning*, Cambridge University Press.
2. P.B. Andersen, B. Holmqvist, J.F. Jensen, 1994, *The Computer as Medium : Learning in Doing: Social, Cognitive & Computational Perspectives*, Cambridge University Press.
3. Herre van Oostendorp, *Cognition in a Digital World*, 2002, Lawrence Erlbaum Associates.
4. L and Krathwohl Anderson, et al, 2001, *A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*, Addison Wesley
5. Peter Mortimore, 1999, *Pedagogy and Its Impact on Learning*, Paul Chapman Publishing
6. <http://commhum.mccneb.edu/PHILOS/learntheo.htm>

Kaedah Penilaian:

- Kerja Kursus : 50%
- Peperiksaan Akhir : 50%

WRET3313 Capaian Kembali Maklumat Multimedia

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Asas-asas capaian maklumat multimedia.
2. Teknik-teknik perwakilan, simpanan, dan capaian semula maklumat multimedia.
3. Bincang akan cabaran-cabaran dalam perwakilan, simpanan dan capaian semula maklumat multimedia.
4. Bangunkan satu aplikasi untuk mencari dan mencapai semula maklumat multimedia dari Web.

Sinopsis Kandungan Kursus:

1. Pengenalan: konsep capaian semula maklumat, matriks ketepatan dan *recall* IR
2. Pengenalan kepada capaian semula maklumat multimedia.
 - Jenis maklumat multimedia
 - Attribut-attribut object multimedia
 - Jenis-jenis pertanyaan multimedia
 - Sistem capaian semula maklumat multimedia

3. Capaian semula maklumat berbentuk teks
 - Model-model capaian semula maklumat (e.g. *Boolean, Vector Space, Probabilistic, Fuzzy*)
 - Perwakilan dan analisa dokumen
 - Pengindeksan (e.g. *suffix tree, inverted files*)
 - Pertanyaan (e.g. *keyword-based queries, context-queries, natural language queries*)
4. Enjin pencarian Web
 - Maklumat hiperteks dan hipermedia
 - Pengindeksan, Pertanyaan, *ranking*, and capaian semula
 - Penganalisaan penyambungan pautan
5. Capaian semula imej
 - Semantik dan ciri-ciri visual
 - Pengindeksan imej secara manual menggunakan metadata
 - Pengindeksan menggunakan ciri-ciri visual (contoh: warna, bentuk, tekstur)
 - Capaian semula warna (model-model warna, model histogram, penghalusan histogram, teknik pengkelompokan warna)
 - Capaian semula bentuk (pemadanan bentuk, metod berasaskan kontor seperti pentafrif *Fourier*, metod berasaskan kawasan seperti *Moment invariant*, metod berasaskan transformasi seperti Transformasi Hough)
6. Capaian semula ucapan
 - Struktur ucapan
 - Pemprosesan pertanyaan bahasa ucapan
 - Pengenalan dan capaian semula suara
7. Capaian semula video
 - Pengenalpastian pergerakan
 - Pengenalpastian dan pengekstrakan *key-frame*
 - Pengsegmenan video

Rujukan:

1. David Feng, W.C. Siu, Hong J. Zhang (2003) *Multimedia Information Retrieval and Management: Technological Fundamentals and Applications (Signals and Communication Technology)*, Springer; 1 edition.
2. Ricardo Baeza-Yates, Berthier Ribeiro-Neto (1999), *Modern Information Retrieval Addison Wesley*; 1st edition.
3. Jian Kang Wu, Mohan S. Kankanhalli, Joo-Hwee Lim (2000), *Perspectives on Content-Based Multimedia Systems (The Information Retrieval Series)*, Springer; 1 edition.

Kaedah Penilaian:

Penilaian berterusan : 50%
Peperiksaan : 50%

WRET3314 Pengaturcaraan Permainan Komputer

Hasil Pembelajaran:

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengaplikasikan panduan rekabentuk permainan apabila merekabentuk sebuah permainan komputer.
2. Membangunkan sesebuah permainan komputer mengikut proses pembangunan perisian di dalam konteks permainan komputer.
3. Menerangkan teknik-teknik untuk mengesan pertembungan di antara objek-objek permainan.
4. Menggunakan teknik kepintaran buatan di dalam konteks permainan berkomputer ini.

Sinopsis Kandungan Kursus:

Kursus ini dimulai dengan sejarah permainan komputer secara ringkas, diikuti dengan rekabentuk permainan komputer. Kemudian, pelajar akan belajar bagaimana untuk membangunkan enjin permainan komputer menggunakan bahasa pengaturcaraan seperti C++. Pelajar akan turut diajar aspek penting berkaitan dengan interaktiviti permainan komputer seperti teknik penggunaan bunyi dan animasi dalam permainan. Kursus ini juga mengajar pelajar teknik-teknik untuk mengesan pertembungan objek dalam permainan dan implementasi teknik-teknik kepintaran buatan yang berkaitan.

Rujukan:

1. Michael Morrison. (2005). *Beginning Games Programming*. Sams Publishing.
2. Kevin Oxland (2004). *Gameplay and Design*. Addison Wesley.

Kaedah Penilaian:

Kerja Kursus	:	60%
Peperiksaan Akhir	:	40%